

008
U B771 BAH
MAHATHIR - PENDATANG R'R'R'

SHAH ALAM, 16 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, BILANGAN PENDATANG ASING DI SABAH KINI SUDAH HAMPİR SEPARUH DARIPADA BILANGAN PENDUDUK NEGERI ITU DAN USAHA HARUS DIBUAT UNTUK MENGELUARKAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA: +KITA MEMANG ADA MASALAH DI SABAH KERANA PENDUDUK DARI FILIPINA DAN INDONESIA YANG BILANGAN MEREKA SUDAH HAMPİR 50 PERATUS DARIPADA BILANGAN PENDUDUK NEGERI ITU.+

+KITA HARUS KELUARKAN MEREKA,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA SELEPAS MELAKUKAN UPACARA MEMECAH TANAH UNTUK PROJEK PEMESINAN KOMPONEN ENJIN DAN PEMASANGAN TRANSMISI KERETA PROTON DI PERKARANGAN PEJABAT PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON) DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENGULAS MENGENAI LANGKAH DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG TELAH PUN MELULUSKAN PENUBUHAN SEBUAH SURUHANJAYA BAGI MENYIASAT DAKWAAN ADANYA KEGIATAN MENGELUARKAN KAD PENGENALAN BIRU PALSU KEPADA PENDATANG ASING.

BELIAU BERKATA, MASALAH YANG SERUPA JUGA ADA BERLAKU DI SEMENANJUNG MALAYSIA. -- LAGI.
1516MST 16 03 90

0062

U B772 BAH
MAHATHIR - PENDATANG 2 SHAH ALAM R'R'R'

PERDANA MENTERI BERKATA, SURUHANJAYA PENYIASAT ITU ADALAH UNTUK PERINGKAT NEGERI SABAH SAHAJA.

TIMBALAN KETUA MENTERI SABAH, DATUK JOSEPH KURUP KETIKA MEMBENTANGKAN USUL PENUBUHAN SURUHANJAYA ITU SEMALAM DILAPORKAN BERKATA BAHAWA KERAJAAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) MEMPUNYAI BUKTI ADA GOLONGAN YANG BERUSAHA UNTUK MENDAFTARKAN 60,000 PENDATANG ASING DI NEGERI ITU.

KATANYA, GOLONGAN ITU AKAN MEMBERIKAN KAD PENGENALAN BIRU YANG PALSU UNTUK MEMBOLEHKAN PENDATANG ASING ITU MENGUNDI. -- BERNAMA.
1517MST 16 03 90